



PROGRAM BANTUAN PEMBIAYAAN

Pelanggan yang dihormati,

Merujuk kepada pengumuman perpanjangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan pada 23 April 2020, AEON Credit Service (M) Berhad akan meneruskan penangguhan pembayaran selama satu bulan lagi (1 Mei hingga 31 Mei 2020) khas kepada para pelanggan bagi pelbagai produk pinjaman kecuali kad kredit yang telahpun diaktifkan untuk semua pelanggan pada 1 April 2020.

Kami akan terus membantu meringankan beban kewangan para pelanggan kami yang kebanyakannya terkesan oleh wabak Covid-19 ini.

Perkhidmatan AEON Credit juga akan menyediakan Program Bantuan Pembiayaan alternatif untuk pelanggan pinjaman dan kad kredit yang telah terjejas sepanjang tempoh pandemik ini.

Maklumat terperinci mengenai perkara ini boleh didapati di Soalan Lazim (FAQ) yang telah dimuatnaik di laman web www.aeoncredit.com.my.

Pelanggan yang menghadapi kesukaran untuk melakukan pembayaran kerana kekangan kewangan yang disebabkan oleh pandemik Covid-19 disarankan untuk menghubungi Perkhidmatan Pelanggan kami melalui e-mel di customer.service@aeoncredit.com.my.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan anda dan sedia membantu anda dalam tempoh yang mencabar ini.

#DudukRumah #JagaKeselamatan



PAYMENT RELIEF PROGRAMME

Dear Valued Customers,

In response to the government's recent announcement on the extension of the Movement Control Order (MCO) on 23rd April 2020, AEON Credit Service (M) Berhad will continue to provide one-month of payment deferment (1st May to 31st May 2020) to all loans except credit cards which was activated to all Customers effective 1st April 2020.

We will continue to alleviate the financial burden for our Customers who have been affected by the Covid-19 pandemic. AEON Credit Service will also provide alternative Payment Relief Programme for loans and credit card customers that have been affected during this pandemic period.

Detailed information on this is available in our Frequently Asked Questions (FAQ) on www.aeoncredit.com.my.

Customers who are facing difficulties in making payment due to financial constraints resulting from the Covid-19 pandemic are advised to contact our Customer Service via email at customer.service@aeoncredit.com.my.

We thank you for your support and are here to provide you with assistance during this difficult period.

#Stayhome #StaySafe



Soalan Lazim Untuk Penangguhan Pembayaran Akaun Pinjaman dan Pembiayaan Peribadi
(Dikemaskini pada 24 April 2020)

1. S: Bank Lain menawarkan penangguhan sehingga 6 bulan. Mengapa AEON Credit tidak melakukan perkara yang sama?

J: Berikutan situasi wabak yang tidak menentu pada masa ini, Syarikat akan mengkaji semula keperluan untuk menyediakan penyelesaian alternatif untuk pelanggan kami dari semasa ke semasa. Ini bertujuan menyediakan bantuan sementara untuk meringankan beban pelanggan kami yang terkesan dengan situasi Covid-19. AEON Credit merupakan Institusi Bukan Bank dan tidak tertakluk di bawah pengumuman oleh Bank Negara berkenaan penangguhan pinjaman selama 6 bulan (*Moratorium*)

Selepas pemanjangan Perintah Kawalan Pergerakan sehingga 12 May 2020, kami telah menawarkan penambahan 1 bulan (1+1) penangguhan bayaran (1 April 2020 – 31 May 2020) untuk meringankan beban yang ditanggung oleh pelanggan kami dalam tempoh ini.

2. S: Adakah akaun saya layak untuk penangguhan pembayaran ini?

J: Semua akaun aktif layak untuk penangguhan pembayaran ini kecuali untuk akaun yang melebihi 90 hari/3 bulan dalam pembayaran tertunggak pada April 2020. Akaun yang layak untuk program ini:

- a. Pembiayaan Objektif
- b. Pembiayaan Peribadi
- c. Pembiayaan Motosikal
- d. Pembiayaan Auto

3. S: Adakah saya perlu membuat permohonan untuk penangguhan bayaran ini?

J: Tidak. Ia akan didaftarkan secara automatik untuk akaun yang aktif (tidak melebihi 3 bulan tunggakan/jatuh tempoh pada 1 April 2020). Akaun yang layak akan didaftarkan secara automatik dalam program ini.

4. S: Adakah bayaran tambahan akan dikenakan pada penangguhan pembayaran?

J: Tidak. Tidak ada bayaran tambahan yang dikenakan untuk program ini.

5. S: Apa yang berlaku apabila program berakhir selepas tempoh penangguhan?

J: Anda perlu membuat bayaran seperti biasa. Pembayaran balik pinjaman anda akan ditangguhkan selama 2 bulan dari 1 April 2020 hingga 31 May 2020. Anda boleh meneruskan pembayaran berdasarkan tarikh akhir anda pada bulan Jun 2020.

Jika anda masih berdepan dengan masalah kewangan, anda boleh hubungi Jabatan Pengurusan Kredit kami di talian 03- 5629 8888 dan bercakap dengan pegawai kami untuk bantuan.

Rujuk jadual di bawah untuk contoh rujukan pembayaran:

Bulan	Tarikh Akhir	Bayaran	Arahan Auto Debit
April '20	2/ 10 /18 /25	Tidak Perlu Pembayaran	Diberhentikan
Mei '20	2/ 10 /18/25	Tidak Perlu Pembayaran	Diberhentikan
Jun '20	2/ 10/18/25	Pembayaran Diperlukan	Diteruskan

6. S: Berapa jumlah yang perlu saya bayar untuk bulan yang seterusnya selepas tempoh penangguhan?

J: Jumlah yang perlu dibayar adalah sama seperti jumlah ansuran bulanan anda. Anda boleh menyemak sendiri akaun anda di <https://www.aeoncredit.com.my/login>.

7. S: Bagaimana cara untuk cara buat pembayaran dalam keadaan semasa ini?

J: Anda digalakkan untuk membuat bayaran dalam talian buat masa ini. Untuk kemudahan anda, kami menerima pemindahan dalam talian atau Interbank GIRO. Untuk senarai penuh pilihan pembayaran dalam talian, anda boleh rujuk pada <https://www.aeoncredit.com.my/how-to-pay/overview>.

8. S: Saya mempunyai arahan debit automatik untuk bayaran bulanan saya. Adakah saya perlu membatalkan arahan ini?

J: Tidak. Arahan auto debit anda akan diberhentikan semasa tempoh ini. Anda tidak perlu membatalkan arahan ini.

Kami mengalakkan pelanggan kami untuk meneruskan arahan auto debit sedia ada bagi memudahkan jadual pembayaran balik anda. Untuk pendaftaran auto debit baru, anda boleh mengunjungi cawangan kami untuk pendaftaran setelah Perintah Kawalan Pergerakan berakhir.

9. S: Saya ingin menghentikan program penangguhan yang telah saya daftarkan. Bagaimanakah caranya?

J: Jangan bimbang. Anda boleh meneruskan pembayaran seperti biasa dan ianya akan ditunjukkan dalam bil bulan semasa anda. Anda boleh membuat bayaran melalui pemindahan dalam talian, mesin deposit tunai atau Interbank GIRO. Untuk senarai penuh pilihan pembayaran dalam talian dan terminal layan-diri semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, anda boleh rujuk laman sesawang kami di www.aeoncredit.com.my.

10. S: Saya belum membayar untuk Mac 2020, adakah saya masih layak untuk mengikuti program ini?

J: Ya. Anda masih berhak untuk penangguhan 2 (1 + 1) bulan program ini (April '20 dan Mei '20) selagi akaun anda tidak melebihi 90 hari yang telah jatuh tempoh / 3 bulan untuk pembayaran tertunggak pada 1 April 2020. Sekiranya akaun anda terlambat, anda boleh menghubungi Jabatan Pengurusan Kredit kami di talian 03-5629 8888 untuk menghubungi pegawai kami untuk mendapatkan bantuan.

11. S: Adakah rekod CCRIS saya akan terjejas semasa program ini?

J: Jangan bimbang. Program ini tidak akan mempengaruhi rekod kredit anda di Credit Bureau Malaysia iaitu CCRIS, RAMCI dan CTOS.

12. S: Adakah bayaran faedah penggabungan akan dicaj keatas pinjaman tertunda saya?

J: Tidak. Tidak akan ada bayaran faedah penggabungan untuk pinjaman/pembiayaan yang memenuhi syarat untuk penangguhan pembayaran.

13. S: Adakah program ini boleh digunakan untuk pinjaman/pembiayaan yang baharu diambil?

J: Tidak. Program ini hanya boleh digunapakai untuk pinjaman tertunggak yang aktif atau pendaftaran sebelum 1 April 2020.

14. S: Di mana boleh saya dapatkan maklumat berkenaan program penangguhan pembayaran ini?

J: Halaman utama kami mengandungi maklumat program penangguhan pembayaran. Jika anda mempunyai akaun bersama kami, kami menggalakkan anda untuk mendaftar secara dalam talian untuk membuat pemeriksaan ke atas akaun anda serta bayaran yang perlu dibayar di <https://www.aeoncredit.com.my/login>. Sebagai pelanggan istimewa kami, anda akan menerima maklumat terkini berkenaan pelbagai tawaran promosi yang kami sediakan dari masa ke semasa.



Frequently Asked Questions for Loans and Personal Financing Accounts
Deferment of Payment (Updated on 24th April 2020)

1. Q: Other banks are offering the deferment till 6 months. Why is Aeon Credit not doing the same?

A: In light of the current pandemic situation which is uncertain, from time to time, our Company is reviewing the necessity of providing alternative solutions for our customers. This is to provide a temporary relief to ease the burden of our customers in light of the Covid-19 situation.

Aeon Credit is a Non-Bank Credit provider. This does not fall under the recent Bank Negara announcement to offer 6 months deferment of payment (Moratorium).

With the extension of Movement Control Order (MCO) until 12th May 2020, we have offered another 1 month (1+1) of payment deferment (1st April 2020 – 31st May 2020) to ease the burden of our customers during this situation.

2. Q: Is my account eligible for this deferment of payment?

A: All active accounts are eligible for this deferment of payment except for accounts that are more than 90 days/ 3 months in overdue payment as of 1st April 2020. Accounts eligible for this program:

- a. Objective Financing
- b. Personal Financing
- c. Motorcycle Financing
- d. Auto Financing

3. Q: Do I need to apply for this deferment of payment?

A: No. It will be automatically enrolled for accounts that are active (not more than 3 months delinquent/past due as of 1st April 2020). Eligible accounts will be auto enrolled in this program.

4. Q: Will there be any additional fee imposed on the payment deferment?

A: No. There will not be any additional fees imposed on this program.

5. Q: What happens when the program ends after the deferment period?

A: You will need to make payment as usual. Your loan repayment will be deferred for 2 months from 1st April 2020 till 31st May 2020. You may continue to make the repayment according to your June 2020 due date.

In the event you are still faced with financial difficulties, you may contact our Credit Management Department at 03-5629 8888 and speak to our officers for assistance.

Refer table below for payment example reference.

Month	Due Date	Payment	Auto Debit Instruction
April '20	2 nd / 10 th /18 th /25 th	No Payment Required	Stopped
May '20	2 nd / 10 th /18 th /25 th	No Payment Required	Stopped
June '20	2 nd / 10 th /18 th /25 th	Payment Required	Ongoing

6. Q: How much should I pay for the following month after the deferment period?

A: The amount will be the same as your usual monthly installment. You may self-check your account at <https://www.aeoncredit.com.my/login>.

7. Q: How do I make payment with this current situation?

A: You are encouraged to make payment via online at this period of time. We accept online transfers or Interbank GIRO for your convenience. For a full list of online payment options, you may refer to <https://www.aeoncredit.com.my/how-to-pay/overview>.

8. Q: I have an auto debit instruction signed up for my monthly payment. Do I need to cancel this instruction?

A: No. Your auto debit instruction will stop during this period. You don't need to cancel the instruction.

We encourage our customers to continue with your existing auto debit instructions to ease your monthly repayment schedule. For new auto debit enrollment, you may visit our branches to sign up once the Movement Control Order period is uplifted.

9. Q: I want to stop this deferment program I have enrolled. How do I go about it?

A: Don't worry. You can continue to make your payment as usual and your installment will be reflected for the current month billing. You may make your payment via online transfer, Cash Deposit Machines (CDM) or Interbank GIRO. For a full list of online payment options and available self-service terminal CDMs during this Movement Control Order period, you may refer to our website at www.aeoncredit.com.my.

10. Q: I have not paid for March 2020, am I still eligible for this program?

A: Yes. You will still be entitled for 2 (1+1) months deferment of this program (April 2020 and May 2020) as long as your account is not more than 90 days past due/3 months in overdue payment as of 1st April 2020. If your account is overdue, you may contact our Credit Management Department at 03-5629 8888 to speak to our officers for assistance.

11. Q: Will my CCRIS records be affected during this program?

A: Don't worry. This program will not affect your credit records in Credit Bureau Malaysia namely CCRIS, RAMCI and CTOS.

12. Q: Will there be any compounding interest charge to my deferred loan?

A: No. There will not be any compounding interest charge for loans/financing that is eligible for the deferment of payment.

13. Q: Is this program applicable to a new loan/financing that I have just taken?

A: No. This program is only applicable for outstanding loans active/signup before 1st April 2020.

14. Q: Where can I get information on this deferred payment program?

A: Our main page has published the payment deferment program. If you have an account with us, we encourage you to sign up online to self-check your account and payment due at <https://www.aeoncredit.com.my/login>. As our privileged customer, you will be updated on our various promotional offers that we have prepared for you from time to time.